

3.2.2026
Siaran Media

ANUGERAH CEO BERKAITAN PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU (PBB) UNTUK SYARIKAT BEKALAN AIR PULAU PINANG

- **Anugerah CEO “Forward Faster Sustainability” 2026 mengiktiraf Dato’ Ir. Pathmanathan K. kerana menerajui sebuah syarikat yang mengintegrasikan kemampanan dalam strategi perniagaannya.**
- **Pengiktirafan kali kedua oleh *United Nations Global Compact Network Malaysia & Brunei* (UNGCMYB).**

PULAU PINANG, Selasa, 3.2.2026: PBAPP dan PBA Holdings Bhd (PBAHB) telah menerima anugerah buat kali kedua daripada *United Nations Global Compact Network Malaysia & Brunei* (UNGCMYB), iaitu cabang tempatan bagi inisiatif kemampanan korporat antarabangsa terbesar di dunia.

Anugerah CEO “Forward Faster Sustainability” 2026 oleh UNGCMYB mengiktiraf Dato’ Ir. Pathmanathan K., Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP dan PBA Holdings Bhd, atas kepimpinan beliau menerajui sebuah syarikat bersaiz sederhana (kategori RM20 juta – RM500 juta) yang telah mengintegrasikan prinsip kemampanan ke dalam strategi perniagaannya.

PBAPP dan PBAHB memenangi anugerah ini berdasarkan inisiatif-inisiatif berikut:

1. Pengembangan dan kepelbagaian infrastruktur bekalan air di Pulau Pinang secara berterusan di bawah Pelan Kontingensi Air 2030 (WCP 2030) bernilai RM2.1 bilion.
2. Pelaksanaan Projek Kitar Semula Air Sisa Sifar (*Zero Wastewater Recycling Project*) untuk menuai secara berterusan “air supernatan” sebagai sumber air mentah tambahan di Loji Rawatan Air Sungai Dua, serta mengitar semula sisa rawatan air loji tersebut sebagai bahan mentah untuk penghasilan bata simen.
3. Penjanaan kira-kira 200,000 kWh tenaga solar sebulan melalui projek di Kompleks Kolam air dan Stesen Pam Bukit Dumbar.
4. Pengaktifan semula projek perintis penyahgaraman Pulau Aman bagi meneroka potensi penggunaan loji penyahgaraman strategik untuk bekalan air awam di Pulau Pinang pada masa hadapan.
5. Pengurangan sebanyak 30% penggunaan air bagi kegunaan dalaman di semua fasiliti PBAPP di Pulau Pinang.

Kesemua inisiatif ini bertujuan untuk mengekalkan perkhidmatan bekalan air yang baik di sebuah negeri yang berdepan tekanan sumber air sehingga tahun 2030, selaras dengan sokongan terhadap visi Kerajaan Negeri iaitu “Penang2030” untuk menjadikan Pulau Pinang sebuah Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara.

Anugerah CEO “*Forward Faster Sustainability*” merupakan pengiktirafan kedua yang berkaitan dengan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang diterima oleh Pulau Pinang dan Kumpulan Syarikat PBA dalam tempoh beberapa bulan kebelakangan ini.

Pada 25.11.2025, PBAHB telah dimaklumkan bahawa syarikat itu telah disenaraikan dalam Senarai ESG (alam sekitar, sosial dan tadbir urus) oleh UNGCMYB dengan pengiktirafan “3-bintang”, bagi projek kitar semula air sisa sifar di Sungai Dua; penetapan dan galakan sasaran penggunaan domestik sebanyak 250 liter per kapita sehari (LKH) bagi Pulau Pinang; serta pelancaran program nota jangka sederhana Islam bernilai RM5 bilion dengan penarafan kemampanan “AAA/Stabil”.

Dato’ Ir. Pathmanathan merakamkan penghargaan kepada UNGCMYB atas pengiktirafan terhadap komitmen berterusan PBAPP dan PBAHB ke arah kemampanan dalam berperanan sebagai operator bekalan air Pulau Pinang.

“Pada tahun 2026, kami sedang berusaha untuk mencapai sasaran kemampanan yang ditetapkan bagi tahun 2030. Pada masa yang sama, kami juga membuat perancangan ke arah tahun 2040. Pengiktirafan UNGCMYB ini mendorong kami untuk berfikir lebih jauh, lebih besar dan di luar kebiasaan, kerana Pulau Pinang merupakan sebuah negeri yang berdepan tekanan sumber air,” kata beliau.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Seksyen Komunikasi Korporat
Email : comms@pba.com.my



Dato' Ir. Pathmanathan K., CEO of PBAPP and PBA Holdings Bhd

© PBAPP 2026



The UNGCMYB “Forward Faster Sustainability” **CEO Award 2026** recognises ***Dato’ Ir. Pathmanathan K., CEO of PBAPP and PBA Holdings Bhd***, for leading a mid-tier company (RM20 million - RM500 million category) that has integrated sustainability into its business strategy.

© PBAPP 2026

UNGCMYB
MEMBERS
CELEBRATION
NIGHT



Network
Malaysia & Brunei

UNGCMYB
FORWARD FASTER
SUSTAINABILITY
AWARDS

2026



Dato' Ir. Pathmanathan K., CEO of PBAPP and PBA Holdings Bhd (centre), with the PBAPP team at the UNGCMYB "Forward Faster Sustainability" Awards 2026 event. © PBAPP 2026